

09/08/1997

Umno cadang kaji semula peranan mufti (KL)

Radzi Wahab; Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno menyarankan supaya kajian semula dilakukan terhadap peranan dan kuasa pegawai agama, terutama mufti, dalam membuat fatwa yang dilihat tidak selaras dengan kedudukan mereka sebagai penasihat agama kepada kerajaan.

Melalui cadangan itu, yang diputuskan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) petang ini, ulama tidak lagi dibenarkan mengeluarkan fatwa sesuka hati, mewarta dan kemudian membatalkannya.

"Ini perlu bagi mengelak penyelewengan yang boleh memberikan imej buruk kepada Islam," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat selama kira-kira empat jam itu.

Untuk tujuan itu, mufti sepatutnya hanya boleh mengeluarkan fatwa selepas berbincang dengan sebuah jawatankuasa yang membabitkan pelbagai golongan berpelajaran, tetapi tidak semestinya yang berkaitan dengan Islam saja.

Dengan peranan baru mufti nanti, kata Dr Mahathir, mereka hanya boleh menasihati kerajaan negeri tetapi terpulang kepada kerajaan negeri sama ada mahu mewarta atau tidak, fatwa yang dibuat.

"Mufti sebagai penasihat agama seharusnya menggunakan kuasa mereka untuk menghilangkan kekeliruan terhadap tafsiran agama yang dirujuk kepada mereka.

"Tanggungjawab mereka ialah menjelaskan mengenai ajaran Islam dan mazhab Syafie di samping memberitahu umum bahawa ajaran lain tidak boleh diterima di negara ini," katanya.

Ditanya sama ada cadangan itu berupa reformasi terhadap kuasa mufti, Perdana Menteri berkata: "Kita boleh kata ia reformasi, tapi yang penting kita kena kaji semula terhadap tafsiran kuasa yang diberi kepada mereka."

Dengan menjadikan isu tiga gadis Islam yang ditangkap Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) kerana menyertai pertandingan ratu cantik baru-baru ini sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, walaupun ia dianggap salah, pelaksanaan undang-undang seharusnya tidak menunjukkan Islam menekan umatnya sendiri.

"Umno, walaupun bersetuju supaya tidak diadakan pertandingan ratu cantik yang membabitkan orang Islam, berpendapat ia masih boleh dihalang melalui nasihat," katanya.

Presiden Umno itu berkata, sehingga kajian itu selesai, semua kegiatan penguatkuasaan akan dihentikan sementara bagi mengelak mereka yang dituduh melakukan kesalahan daripada teraniaya.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini bersetuju supaya undang-undang Syariah di negara diseragamkan bagi mengelak tindakan yang boleh membawa imej buruk terhadap Islam.

Sehubungan itu, katanya, undang-undang syariah yang tidak sesuai dengan ajaran Islam akan dibatalkan kerana agama suci itu tidak menyuruh pengamalan sikap melampau dan menindas umatnya.

Beliau berkata, Islam tidak menganjurkan kekerasan, sebaliknya menasihati bagi membetulkan penyelewengan di samping memberi keutamaan kepada masalah yang harus ditangani seperti masalah lepak, dadah, bohsia dan Aids, yang banyak dihadapi umat Islam di negara ini.

Menjawab soalan mengenai apakah Umno tidak bimbang perkara itu akan dipolitikkan parti pembangkang, khususnya Pas, Dr Mahathir berkata: "Pas sudah bersetuju dengan penyelarasan ini kecuali Sultan Kedah. Tetapi saya percaya ia tetap akan dijadikan isu politik kerana mereka bukan pegang

kepada agama tapi parti politik mereka saja," katanya.
(END)